

Akademika

Jurnal Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan Asia Tenggara

Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities

Bilangan
Number **76**

ISSN 0126-5008

Mei-Ogos
May-August **2009**

Makalah/Articles

Komuniti Madura di Malaysia: Satu Pengamatan / 3
Antropologikal tentang Aspek Kepimpinan
MOHAMAD FAUZI SUKIMI

English in 1Malaysia: A Paradox in Rural / 27
Pluri-Literacy Practices
HAZITA AZMAN

Environment and Social Science Perspectives / 43
in Malaysia
ZAWAWI IBRAHIM & SHARIFAH ZARINA SYED ZAKARIA

Penerapan Etika dalam Kawalan Korporat / 67
SURAYA ISHAK

Nota Penyelidikan/Research Note

Impak Persekitaran Stesen Kerja Ergonomik / 85
ke Atas Stres di Tempat Kerja
ZAFIR MOHAMED MAKHBUL

Hubungan Kualiti Kehidupan Bekerja dengan Kecenderungan / 105
Pusing Ganti Pekerja: Kajian ke Atas Operator
Pengeluaran di Kilang Celestica, Johor Bahru
SITI FARDANIAH ABDUL AZIZ

Wacana Pembangunan/Discourses on Development

Nota Editor / 121

Globalisation and Its Challenges to Gender Mainstreaming / 123
in Malaysia
HEW CHENG SIM

Ulasan Buku/*Book Review*

Pembangunan: Mengejar Impian Atau Harapan / 131
ABDUL HALIM ALI

Komuniti Madura di Malaysia: Satu Pengamatan Antropologikal tentang Aspek Kepimpinan

The Madurese Community in Malaysia: An Anthropological Observation on Leadership Pattern

MOHAMAD FAUZI SUKIMI

ABSTRAK

Tema utama makalah ini ialah fenomenologi kepimpinan di kalangan anggota komuniti Madura yang bermigrasi ke Malaysia. Dalam komuniti Madura di Indonesia, daripada sudut authority-defined, kiyai tidak hanya penting sebagai pemimpin dalam aspek kerohanian, tetapi juga dalam aspek sosial dan politik. Malangnya, kiyai tidak turut serta orang Madura yang bermigrasi ke Malaysia sehingga terdapat ruang kosong dalam aspek kepimpinan dalam kehidupan mereka. Berdasarkan data kajian lapangan, makalah ini cuba mengupas pengalaman harian (everyday-defined social reality) anggota komuniti Madura di Kampung Teras Jernang, Bangi, Selangor, dalam aspek kepimpinan. Lazimnya, patron-klien merupakan pola hubungan yang dapat ditemukan dalam komuniti migran, sama ada mereka yang bermigrasi dari desa-kota, atau bahkan dari sebuah negara ke sebuah negara yang lain. Pola yang sama ditemukan dalam kelompok orang Madura di kawasan kajian, tetapi pola patron-klien yang wujud agak lebih terbuka. Klien tidak terikat untuk terus berada di bawah kepimpinan patron. Pemimpin di kalangan komuniti Madura di Kampung Teras Jernang tidak semestinya tokoh yang dihormati seperti yang terdapat di Pulau Madura, yang terdiri daripada guru agama atau kiyai. Berdasarkan perspektif everyday-defined, tokoh yang dianggap sebagai pemimpin ditentukan berdasarkan senioriti, iaitu, siapa yang paling awal datang ke Malaysia. Faktor senioriti memainkan peranan kerana akan menentukan sejauhmana seseorang itu mempunyai sumber dalam bentuk ekonomi atau pengetahuan yang luas tentang seluk-beluk kehidupan di Malaysia. Secara keseluruhan patron berperanan penting dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh anak buahnya.

Kata kunci: pemimpin, kepimpinan, patron-klien, migrasi, komuniti Madura

ABSTRACT

The main theme of the article centers around the phenomenology of leadership among the Madurese community that migrated to Malaysia from Madura Island,

Indonesia. In the Madurese community in Indonesia, kiyai or religious teacher is a leader not only in the spiritual sense, but also in the social and political aspects. On the contrary, kiyai does not participate in the social life of the Madurese migrants in Malaysia. As result, a gap exists in the leadership sphere of the community. Based on a fieldwork research, the article attempts to explicate the every-defined social reality of the Madurese community in Kampung Teras Jernang, Bangi, Selangor from the perspective of leadership. The patron-client relationship is a common pattern to be found among migrant communities, either within those that migrated from rural to urban areas or from one country to another. The study point towards a more liberal and open patron-client pattern. The leaders among the Madurese community in Malaysia are not necessarily respected figures such as religious teachers and kiyais as is the case in the island of Madura. Rather, leadership figures are determined through their seniority of migration to Malaysia. The seniority factor plays an important role as it represents the individual's economic resources and extensiveness of knowledge about the ins and outs of life in Malaysia. The patron generally plays the important role of resolving problems faced by their client.

Keywords: leader, leadership, patron-client, migration, Madurese community

PENGENALAN

Pergerakan atau migrasi manusia dari sebuah kawasan ke sebuah kawasan yang lain di Alam Melayu sudah berlangsung sejak sekian lama. Kini, dalam era globalisasi, kemajuan sistem pengangkutan menyebabkan pergerakan tersebut berlangsung lebih cepat dan dalam jumlah manusia yang jauh lebih besar. Berbanding dengan keadaan politik masa lalu, pergerakan manusia tersebut menimbulkan masalah kerana Alam Melayu masa kini telah terpisah-pisah menjadi negara-bangsa yang mempunyai wilayah kedaulatan dan sempadan masing-masing. Kedatangan orang Indonesia ke Malaysia misalnya telah mengundang pelbagai reaksi daripada pelbagai golongan di Malaysia, bahkan dasar kerajaan Malaysia terhadap isu tersebut juga berubah-ubah dari masa ke masa (Mohamed Salleh 1997). Oleh yang demikian, isu migrasi menjadi semakin menarik untuk dibincang kerana isu ini dianggap menjadi punca kepada beberapa masalah sosial yang terdapat di kawasan atau negara tujuan.

Makalah ini adalah sebahagian daripada dapatan kajian yang bertemakan identiti masyarakat Madura di Malaysia. Ada dua sebab mengapa orang Madura dipilih sebagai subjek kajian. Pertama, daripada sekian banyak kajian tentang hubungan etnik di Malaysia, perhatian yang sangat besar diberikan kepada isu perhubungan antara kelompok etnik yang utama di Malaysia, iaitu, etnik Melayu, Cina dan India, seperti yang dilakukan oleh Purcell (1967), Tan Chee Beng (1992),

Tan Liok Ee (1997), dan Lee Yok Fee (2004). Pada kenyataannya, terdapat beberapa sub etnik di dalam suatu kategori etnik yang utama. Namun begitu, kajian mengenainya masih belum begitu menonjol dan lebih banyak tertumpu kepada sub etnik Melayu yang berhijrah ke Malaysia sebelum zaman kemerdekaan, misalnya tentang orang Jawa di Selangor (Khazin 1984) dan orang Kampar di beberapa negeri di Malaysia (Zakaria & Subhilhar 1987). Kelompok sub etnik 'Melayu' yang bermigrasi ke Malaysia sebelum kemerdekaan lebih mudah berasimilasi kerana mereka belum membawa identiti masing-masing negara-bangsa.

Berlainan dengan migrasi pra-Merdeka, orang Madura merupakan kelompok etnik yang agak lewat berhijrah ke Malaysia, iaitu, bermula pada awal tahun-tahun 1980-an. Berdasarkan faktor sejarah dan politik semasa, orang Madura bukan sahaja sudah membawa identiti nasional Indonesia, tetapi telah kukuh identiti etniknya kerana proses interaksi dengan etnik lain di Indonesia, terutama etnik Jawa, Sunda dan Bali. Kini, jumlah orang Madura yang bermigrasi ke Malaysia dikatakan kian meningkat, telah dikenali dan mula mewarnai kehidupan di negara ini. Sehubungan itu, adalah menarik untuk melihat isu dinamika identiti orang Madura dalam proses interaksi dengan masyarakat Melayu, yang secara umumnya kelihatan sama tetapi tidak serupa.

Kedua, orang Madura dipilih sebagai subjek kajian kerana terdapat satu anggapan di Indonesia bahawa orang Madura merupakan kelompok etnik yang sangat kuat dalam mempertahankan identiti dan cara kehidupan mereka. Orang Madura dikatakan tidak mahu berubah meskipun ke mana mereka bermigrasi, sama ada di Jawa Timur, Jawa Barat, dan Kalimantan Barat. Andaian tersebut juga dianggap sebagai salah satu punca mengapa berlaku konflik antara kelompok etnik Melayu, Dayak dan Madura di Sambas, Kalimantan Barat di Indonesia pada Januari 1999. Dalam konflik tersebut, kelompok etnik Melayu yang selalunya digambarkan penuh dengan adat sopan santun dan kelembutannya secara tiba-tiba bangkit dan menghancurkan apa sahaja yang berkaitan dengan kelompok etnik Madura. Keadaan semakin parah apabila orang Dayak menyertai orang Melayu untuk sama-sama menghalau orang Madura dari bumi Sambas. Orang Madura bukan sahaja dikejar, dihalau dan dipukul, malah ramai yang dibunuh dan bagaikan pada zaman primitif, kepala mereka *dipajang* atau dipertontonkan di tepi-tepi jalan sebagai simbol kepahlawanan atau kemenangan pihak yang menyerang. Akibatnya, sekitar 185 orang Madura terbunuh dan lebih daripada 35,000 orang terpaksa berpindah kerana rumah mereka hangus dibakar dan keselamatan terancam (Edi Petebang & Eri Sutrisno 2000).

Rusuhan etnik di Sambas, Kalimantan Barat telah mengundang pelbagai reaksi dari dalam dan luar Indonesia. Banyak pihak merasa kesal dan sedih apabila melihat tragedi tersebut. Terdapat juga pihak yang melihat rusuhan di Sambas dan beberapa rusuhan yang berlaku di beberapa wilayah lain di Indonesia sebagai ancaman kepada keutuhan negara-bangsa Indonesia. Pada masa yang sama, orang Madura itu sendiri telah menjadi perhatian dan perbincangan para ilmuan

sosial dan masyarakat umum di Indonesia dan tempat-tempat lain. Pelbagai soalan dilontarkan misalnya, siapakah yang disebut sebagai orang Madura dan mengapa mereka menjadi mangsa?

Inilah konteks yang melatari minat penulis untuk mengkaji soal identiti masyarakat Madura. Bagi mendapatkan gambaran tentang kehidupan masyarakat Madura yang bermigrasi ke Malaysia, satu kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah penyelidikan fenomenologi telah dilaksanakan di satu kawasan perumahan orang Madura di Kampung Teras Jernang, Bangi, Selangor. Manakala maklumat awal tentang orang Madura diperolehi daripada bahan atau data sekunder. Di Malaysia, sangat sedikit bahan bertulis tentang orang Madura. Bagi memperdalam pemahaman dan memperolehi lebih banyak bahan bertulis tentang orang Madura, lawatan ke Jakarta, Pulau Madura dan Jember di Jawa Timur telah dilakukan pada bulan Julai dan Ogos 2004. Kunjungan ke Pulau Madura turut disertai dengan kajian kepustakaan ke beberapa institusi pendidikan dan perpustakaan di Jakarta seperti ke Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (LIPI) dan Universitas Indonesia (UI), juga di Jember, iaitu di Pusat Kajian Budaya Jawa dan Madura, Universitas Jember. Kajian kepustakaan ini sangat penting bagi memperolehi sebarang maklumat dalam apa juga bentuk sama ada bahan bercetak, elektronik, *magnetic* dan bahan dari sumber *online* atau *offline*. Di samping itu, penulis berusaha untuk mendapatkan data primer dengan melakukan temubual secara mendalam terhadap beberapa orang informan utama berkaitan identiti etnik Madura baik dari sudut pandang *everyday-defined* atau *authority-defined*.

Daripada pelbagai aspek kehidupan yang ada, makalah ini memberi perhatian ke atas aspek kepimpinan di kalangan anggota komuniti Madura di Malaysia. Mengenai aspek kepimpinan di dalam orang Madura, Kuntowijoyo (2002) dan Andang (2004) telah menyimpulkan bahawa Islam dan ulama atau *kiyai* merupakan elemen yang penting. Agama Islam dibawa masuk ke Pulau Madura pada abad ke-15 dan 16 oleh para pengikut Wali Songo, terutamanya pengikut Sunan Giri dari Gresik. Pengaruh agama Islam terhadap unsur kehidupan orang Madura dapat dilihat, terutamanya pada hubungan yang erat antara ulama dengan anggota masyarakat. Besarnya peranan Islam dan ulama atau *kiyai* di dalam kehidupan orang Madura tidak hanya diperakui oleh masyarakat umum tetapi juga pihak yang mempunyai autoriti, iaitu pemerintah Indonesia. Dalam konteks perancangan dan pelaksanaan pembangunan misalnya, pihak ulama atau *kiyai* merupakan pihak yang akan dirujuk terlebih dahulu bagi mengetahui pandangan atau aspirasi orang Madura.

Lazimnya, kedatangan orang Madura ke Malaysia tidak disertai oleh *kiyai* mereka. Oleh yang demikian, terdapat ruang kosong dalam konteks kepimpinan di dalam komuniti Madura di Malaysia. Pada masa yang sama, secara umumnya komuniti Madura tidak begitu berbaur dengan masyarakat tempatan. Mereka menetap secara 'terasing' di rumah-rumah kongsi, petempatan 'haram' dan secara berkelompok di rumah-rumah sewa yang murah. Sehubungan itu, makalah ini

hanya bertujuan melihat bagaimana fenomena kepemimpinan di dalam komuniti Madura yang bermigrasi ke Malaysia, dan tidak tertumpu pada soal identiti. Antara soalan yang ingin dijawab ialah: Siapa yang menjadi pemimpin, aspek apa yang menentukan seseorang itu dianggap sebagai pemimpin; dan apakah peranan yang dimainkan oleh pemimpin tersebut?

POLA KEPIMPINAN *PATRON-KLIEN*

Sebelum mengupas lebih jauh tentang fenomenologi kepemimpinan di dalam komuniti Madura di Malaysia, elok terlebih dahulu dibincang secara ringkas tentang konsep yang berkaitan. Sesuai dengan perspektif konstruksi sosial, kepemimpinan sebagai suatu fenomena sosial dapat difahami dengan melihatnya dalam konteks dua realiti sosial. Pertama, realiti *authority-defined*, iaitu realiti yang didefinisikan oleh pihak yang berada dalam struktur kekuasaan yang dominan. Kedua, realiti sosial *everyday-defined*, iaitu realiti yang dialami sendiri oleh individu dalam kehidupan sehariannya. Kedua-dua realiti sosial tersebut wujud secara seiringan pada sebarang waktu (Shamsul 1996). Dalam kehidupan seharian kedua-dua realiti tersebut saling berkaitan dan secara berterusan saling mempengaruhi. Oleh yang demikian, kedua-duanya mungkin mempunyai persamaan atau sebaliknya. Hal ini kerana realiti sosial *everyday-defined* ialah sesuatu pengalaman yang dialami, manakala realiti sosial *authority-defined* hanya berupa hasil pemerhatian dan interpretasi. Oleh yang demikian, pemimpin dan kepemimpinan yang terdapat dalam sesuatu kelompok sosial mungkin bersifat ganda, iaitu di satu sisi ia berasal daripada apa yang dinyatakan oleh *authority-defined*, dan di sisi lain elemen kepemimpinan yang berlaku bersumber kepada pengalaman harian atau *everyday-defined*.

Berdasarkan perspektif di atas, dapat dikatakan bahawa kepemimpinan merupakan suatu persoalan atau konsep yang dapat dilihat sama ada dari sudut pandangan yang sederhana atau yang lebih kompleks. Hal ini kerana kepemimpinan sebagai satu konsep dapat dilihat sebagai satu objek yang mempunyai dua sisi. Di satu sisi, kepemimpinan dapat dilihat berdasarkan satu struktur yang jelas seperti struktur yang terdapat dalam sistem birokrasi atau sistem politik yang moden. Dengan kata lain, struktur yang wujud akan menentukan kuasa, status dan peranan seseorang. Di sisi lain, kepemimpinan dapat berlangsung tanpa wujudnya satu struktur yang jelas, sehingga ia hanya dapat difahami dengan melihat kepada jaringan sosial yang ada dalam sesuatu komuniti atau kelompok itu.

Sehubungan itu, dalam usaha membincangkan aspek kepemimpinan dalam masyarakat petani dan masyarakat yang bermigrasi dari wilayah desa ke kota, adakalanya penggunaan konsep kepemimpinan berdasarkan struktur adalah tidak begitu sesuai. Oleh yang demikian, kepemimpinan harus dilihat secara mikro atau berdasarkan apa yang berlaku pada peringkat agensi. Dalam hal ini, konsep yang lebih sesuai digunakan adalah konsep *patron-klien*.

Berdasarkan definisi yang dikemukakan oleh Silverman (1965), Scott (1972), Pitt-Rivers (1954), Weingrod (1968) dan Boissevain (1966), *patron-klien* dapat dirumuskan sebagai pola hubungan atau jaringan antara dua pihak, yaitu antara pihak yang memerlukan perlindungan dan bantuan daripada pihak yang mempunyai kuasa atau sumber ekonomi. Pada dasarnya, hubungan antara patron dan client adalah kompleks dan melibatkan pelbagai bentuk transaksi kerana wujudnya ketaksamaan distribusi sumber ekonomi atau kuasa. Lazimnya, patron menyediakan pelbagai bentuk sumber (seperti tanah, modal kewangan, pekerjaan atau pengetahuan tertentu) manakala *client* harus pula membalas dengan sesuatu dalam bentuk kesetiaan dan perkhidmatan.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dikatakan bahawa seseorang yang dianggap sebagai pemimpin atau *patron* boleh ditentukan berdasarkan sumber apa yang dimiliki dan sejauhmana ia dapat memberikan bantuan atau perlindungan kepada orang yang memerlukan sehingga wujud suatu hubungan timbal balas. Berdasarkan realiti *authority-defined*, pemimpin lazimnya ditentukan oleh struktur yang wujud. Namun begitu, berdasarkan realiti yang dilalui oleh seseorang atau realiti *everyday-defined*, sesuai dengan keadaan, keinginan dan keperluannya, setiap orang mempunyai peluang dan hak untuk memilih dan menentukan siapa yang menjadi pemimpinnya. Dalam perkataan lain, atas alasan apa sekalipun setiap individu mempunyai pilihan untuk menentukan siapa pemimpin atau patron yang dirasakan dapat menawarkan peluang atau keuntungan tertentu. Dalam hal ini, pemahaman tentang kepemimpinan berdasarkan realiti sosial *everyday-defined* atau *authority-defined* dapat digunakan sebagai asas untuk menganalisis bagaimana seseorang dapat muncul dalam sesebuah komuniti.

PULAU MADURA SEPINTAS LALU

Dari sudut kedudukan dan pentadbiran, Pulau Madura merupakan sebahagian daripada Provinsi Jawa Timur. Pulau ini terletak di timur Pulau Jawa, iaitu di sebelah pantai utara. Pulau Madura berukuran 160 km dari timur ke barat dan 35 km dari utara ke selatan dengan jumlah luas secara keseluruhan sekitar 4,250 km persegi (www.info-indo.com/java/madura). Pulau Madura dibahagikan kepada empat daerah atau kabupaten, iaitu Bangkalan, Sampang, Pamekasan dan Sumenep. Selain pulau besar, terdapat 67 buah pulau kecil yang lain, dengan 66 buah daripadanya menjadi sebahagian daripada Kabupaten Sumenep. Manakala, sebuah pulau lagi termasuk dalam Kabupaten Sampang. Selain itu terdapat dua buah pulau yang kedudukannya agak jauh (sekitar 240 km) dari Pulau Madura, iaitu Pulau Karamian yang terletak di sebelah utara dan Pulau Sekala yang terletak di timur Pulau Madura.

Keadaan laut di sebahagian besar Pulau Madura adalah bersih, jernih dan tidak terlalu dalam sehingga dapat memaparkan kehidupan laut, seperti yang dapat dilihat di sekitar Pulau Mamburit. Lazimnya, pantai di kebanyakan pulau

adalah berpasir putih seperti yang terdapat di Pulau Siring Kemuning, Camplong, Slopeng, Lombang, Saobus, Memburit, Saur, Pagerungan dan kepulauan Kangean. Namun begitu, terdapat juga pulau yang diliputi oleh tumbuh-tumbuhan pantai yang tebal di perairannya.

Berbanding dengan daerah lain di Jawa Timur, tanah di Pulau Madura adalah kurang subur. Tanah di Pulau Madura adalah berbatu dan kering. Keadaan inilah yang mengajar orang Madura untuk menjadi orang yang 'panjang akal' dan cepat menyesuaikan diri, dua ciri orang Madura yang sangat dikenali. Pulau Madura dapat dicapai dengan menaiki feri yang perjalanannya memakan masa 30 minit dari Pelabuhan Tanjung Perak, Surabaya ke Pelabuhan Kamal, di barat daya Pulau Madura. Feri yang dapat mengangkut pelbagai bentuk kenderaan, penumpang dan barang-barang bertolak dari kedua pelabuhan tersebut setiap 15 minit, telah dianggap sebagai jambatan bergerak yang menghubungkan Pulau Madura dan Pulau Jawa.

Dari sudut demografi, pada tahun 2005, jumlah penduduk Jawa Timur adalah seramai 36,294,280 orang. Daripada keseluruhan jumlah penduduk Jawa Timur, penduduk Pulau Madura berjumlah 3,492,346 orang. Daripada jumlah tersebut, penduduk di Pulau Madura menurut jenis kelamin menunjukkan seramai 1,710,621 orang adalah lelaki dan seramai 1,781,725 orang adalah wanita (<http://www.datastatistik-indonesia.com>).

Meskipun sebahagian daripada Jawa Timur, Pulau Madura dihuni oleh kelompok etnik yang mempunyai bahasa dan adat yang tersendiri. Selain dikenali sejak berabad yang lalu sebagai pelayar yang handal, orang Madura juga terkenal sebagai orang yang kuat bekerja, bersikap kasar dan mempunyai semangat yang tinggi. Kesemua ciri keperibadian tersebut sangat sesuai dengan cuaca yang panas dan keadaan muka bumi Pulau Madura yang kering. Sehingga akhir tahun-tahun 1970-an, kehidupan orang Madura boleh dikatakan sangat sederhana dengan kebanyakan penduduk terlibat dalam kegiatan peternakan, perikanan dan perniagaan. Sejak akhir-akhir ini, dengan adanya kemajuan teknologi telah meningkatkan kemudahan infrastruktur seperti jalanraya, bekalan air, elektrik, telekomunikasi dan pengangkutan darat serta laut di Pulau Madura. Hasilnya, keadaan ekonomi masyarakat Madura telah meningkat berbanding 20 tahun yang lalu.

DIASPORA MADURA DI MALAYSIA

Kedatangan dan perpindahan penduduk dari suatu daerah ke suatu daerah lain dalam wilayah Alam Melayu merupakan suatu proses yang telah dan sering berlaku sebelum abad ke-19. Dalam hal ini kedatangan dan penghijrahan penduduk Pulau Sumatera dan Pulau Jawa ke Tanah Melayu telah berlangsung terutama pada abad ke-19 dan ke-20. Sehubungan itu, masyarakat di Alam Melayu telah lama mengenal konsep merantau. Konsep merantau dikenal misalnya oleh

orang Bugis, yang memang terkenal sebagai kelompok etnik yang mahir dalam bidang pelayaran, orang Minangkabau turut berhijrah ke kawasan lain di Alam Melayu (Mokhtar Naim 1971), demikian juga dengan orang Boyan (Bawean) yang berhijrah keluar daripada Pulau Bawean untuk mencari penghidupan baru.

Namun begitu, catatan sejarah tentang pergerakan atau penghijrahan penduduk di Alam Melayu tidak mudah untuk diperolehi. Hal ini kerana terdapat pandangan bahawa perpindahan atau penghijrahan penduduk bukanlah suatu peristiwa yang penting kecuali perpindahan tersebut melibatkan pihak istana. Menurut sejarah, kedatangan orang Indonesia ke Malaysia berlaku sejak abad ke-9 (Ramzay 1956; Tunku Shamsul Bahrin 1967). Sesuai dengan keadaan ketika itu, kedatangan mereka tidak tercatat dalam sejarah. Mereka datang dengan tujuan untuk berdagang, membuka tanah dan bertani, serta menyebarkan ajaran Islam. Pada masa yang sama terdapat pandangan yang mengatakan bahawa selewat-lewatnya mulai abad ke 16 sudah ada migrasi dari Indonesia ke Malaysia seperti penghijrahan orang Minangkabau dari Sumatera Barat ke Malaysia, khususnya ke Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang. Selain itu, orang Bugis dari Sulawesi pula datang ke Johor, Pahang dan Selangor (Mohamed Salleh 1997).

Faktor lain yang menyebabkan tiadanya catatan sejarah tentang pergerakan penduduk di Alam Melayu adalah kerana penghijrahan telah dianggap sebagai sesuatu yang lazim berlaku sejak sekian lama dan wilayah Alam Melayu dianggap mempunyai persamaan dalam aspek sosial-budaya dan alam persekitarannya. Tambahan pula, sebelum kedatangan pihak penjajah Inggeris, tiada usaha yang dibuat untuk membuat bancian penduduk. Bancian penduduk yang meliputi penduduk tempatan dan buruh yang didatangkan dari negara China, dan India mula dilakukan oleh pihak Inggeris untuk kepentingan pemerintahan dan ekonomi. Catatan tentang penghijrahan penduduk di Alam Melayu turut dicatat apabila penduduk dari Pulau Sumatera dan Pulau Jawa dibawa masuk sebagai buruh baik secara kontrak atau secara paksa ke Tanah Melayu dan Singapura. Data tentang pergerakan penduduk di Alam Melayu hanya semakin penting dan mudah untuk diperolehi apabila setiap wilayah yang mencapai kemerdekaan telah memperkenalkan dokumen perjalanan atau passport masing-masing.

Dalam membicarakan penyebaran atau diaspora orang Madura ke Malaysia, adalah sukar untuk mendapatkan bahan dan fakta sejarah yang menunjukkan dengan pasti bila orang Madura mula berhijrah ke wilayah yang kini dikenali sebagai Malaysia. Hal ini terasa aneh kerana di Indonesia, orang Madura memang terkenal sebagai suatu kelompok etnik yang suka merantau. Faktor yang mendorong mereka merantau adalah keadaan muka bumi Pulau Madura yang gersang, kering dan berbatu sehingga kurang sesuai untuk menjalankan kegiatan pertanian. Manakala keadaan muka bumi di daerah lain terutama di Pulau Jawa adalah jauh lebih subur. Oleh kerana itu, tidak keterlaluan sekiranya dikatakan bahawa di pelusuk daerah manapun di wilayah negara Indonesia dapat ditemui orang Madura, sama ada dalam suatu kelompok yang besar ataupun kelompok kecil. Bahkan, terdapat jenaka yang mengatakan bahawa dari 10 orang Madura,

sembilan daripadanya berada di perantauan (*Kompas* 17 November 2000). Hal ini menunjukkan bahawa daerah yang dituju oleh orang Madura adalah mencakup seluruh pelusuk Indonesia.

Apa yang pasti, kebanyakan informasi tentang penghijrahan ke Malaysia didominasi oleh data tentang kedatangan orang Jawa, Sumatera, Bugis dan Boyan (Bawean). Tentang kedatangan orang Jawa, De Vries pernah berpendapat bahawa petempatan orang Jawa ke Tanah Melayu boleh ditelusuri sejak zaman keagungan Kerajaan Majapahit (Khazin 1984). Tom Pires pula melaporkan bahawa petempatan awal orang Jawa di Tanah Melayu dapat dikesan dalam zaman Kesultanan Melaka. Beliau melaporkan bahawa terdapat nama petempatan orang Jawa di Melaka seperti Kampung Jawa dan Parit Jawa. Penulis lain seperti Godinho de Eredia mencatatkan bahawa petempatan Jawa dapat ditemukan di Upeh (Barat laut Sungai Melaka) dan di Hilir. Upeh merupakan kawasan petempatan para pedagang Jawa yang berasal dari kawasan tengah Pesisiran, Tuban, Jepara dan Pedagang Sunda. Hilir pula merupakan kawasan petempatan pedagang Jawa yang berasal dari pelabuhan Grisek dan Jawa Timur (Khazin 1984: 20).

Pada tahun 1525, petempatan Jawa di Upeh dan Hilir dilaporkan telah ditinggalkan dan terus lenyap dari Melaka. Sejak tahun tersebut hinggalah kepada zaman kedatangan British di Tanah Melayu, khususnya pada awal abad ke-19, tidak kedengaran berita tentang kedatangan orang Jawa ke Tanah Melayu. Namun begitu, terdapat catatan pengembara yang melaporkan bahawa pada awal abad ke-19 terdapat orang Jawa yang telah bekerja sebagai orang gaji, kelasi kapal dan pedagang kecil di sesetengah Negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat. Walau bagaimanapun, jumlah mereka ketika itu adalah kecil dan terhad (Khazin 1984).

Mulai awal abad ke-20, migrasi dari Indonesia ke Malaysia berlaku secara besar-besaran dalam konteks ekonomi kolonial yang memerlukan tenaga kerja yang ramai di Malaysia (Mohamed Salleh 1997). Pembangunan ekonomi di negeri Tanah Melayu yang berkembang pesat dengan pembukaan ladang-ladang dan lombong-lombong bijih telah menyebabkan buruh semakin diperlukan. Oleh yang demikian, selain buruh dari India dan China, buruh dari Pulau Jawa juga dibawa masuk ke Tanah Melayu.

Singapura merupakan pintu masuk yang penting dalam proses penghijrahan orang dari Pulau Jawa. Singapura tidak hanya berperanan sebagai pelabuhan yang banyak menawarkan peluang pekerjaan, malah bertindak sebagai pusat penawaran sumber manusia, khususnya buruh. Di Singapura terdapat ramai ejen pembekal buruh, termasuk mereka yang terdiri daripada orang Jawa sendiri. Ejen-ejen yang menguruskan kemasukan buruh Jawa ke Singapura dikenali sebagai Sheikh. Namun begitu, hanya sejak awal abad ke-20 sahaja kegiatan mereka secara meluas dapat dikesan. Melalui Singapura, para penghijrah Jawa juga berhijrah ke Tanah Melayu setelah mengetahui tentang adanya peluang kehidupan yang lebih cerah.

Penghijrahan dari Indonesia ke Malaysia terhenti ketika zaman konfrontasi (1963-1966) dan beberapa tahun berikutnya. Penghijrahan berlaku semula sejak

pertengahan tahun-tahun 1970-an hingga kini. Pada dasarnya tujuan migrasi kini adalah sama dengan tujuan migrasi pada awal abad ke-20, iaitu untuk memenuhi kekurangan tenaga kerja di Malaysia (Mohamed Salleh 1997). Berikutan daripada proses migrasi yang berlangsung baik sebelum kemerdekaan dicapai sehinggalah tahun 1970-an, terdapat berbagai kelompok etnik yang mewarnai demografi penduduk di beberapa wilayah, kampung atau pun bandar di Malaysia. Kajian oleh Amri Marzali (1976) misalnya menunjukkan bahawa penduduk Kampung Palimbayan dan Kampung Sungai Penchala di Kuala Lumpur adalah terdiri daripada penduduk yang berasal atau berketurunan Minangkabau, Boyan (Bawean), Jawa, Kerinci, Kampar dan Melayu. Namun demikian, tiada data yang menunjukkan adanya penduduk yang berasal dari Pulau Madura.

Berdasarkan maklumat yang diperoleh, penulis menganggarkan bahawa kedatangan orang Madura di kalangan migran dari Indonesia hanya bermula pada awal tahun 1980-an. Hal ini diakui sendiri oleh para informan (orang Madura). Mereka mengatakan bahawa orang Bawean yang terlebih dahulu berhijrah ke Malaysia berbanding orang Madura. Kehadiran orang Madura hanya mula dicatat apabila kajian tentang golongan migran dilakukan secara meluas pada awal tahun 1990-an. Kajian yang dilakukan oleh Arif Nasution pada tahun 1993 misalnya, menunjukkan bahawa sebahagian besar (sekitar 70 peratus) imigran Indonesia yang bekerja di sektor pembinaan di Malaysia adalah berasal dari Pulau Jawa (terutama dari Jawa Timur dan Jawa Tengah) dan diikuti mereka yang berasal dari Sumatera. Kajian tersebut menunjukkan bahawa terdapat sekitar 8.2 peratus imigran berasal dari Pulau Madura (Arif Nasution 1997). Manakala kajian yang dilakukan oleh Hairi Abdullah pada tahun 1995 terhadap imigran yang bekerja di sektor pembinaan dan perkilangan menunjukkan bahawa sebahagian besar imigran adalah terdiri daripada orang Madura, Bawean, Jawa, dan Acheh. Jumlah orang Madura adalah cukup besar, iaitu sekitar 36.2 peratus (Hairi Abdullah).

Tidak dapat dinafikan juga terdapat segelintir orang Madura yang telah berhijrah ke Malaysia lebih awal dari tahun 1980-an tetapi kedatangan mereka tidak tercatat di dalam mana-mana rekod. Terdapat beberapa kemungkinan yang menyebabkan kategori Madura tiada dalam catatan. Pertama, orang Madura dimasukkan ke dalam kategori orang Bawean kerana dialek bahasa kedua etnik tersebut adalah hampir sama. Kedua, orang Madura dimasukkan ke dalam kategori orang Jawa kerana orang Madura datang dari wilayah pentadbiran yang sama, iaitu, Jawa Timur. Ketiga, tiada tokoh yang menonjol di kalangan orang Madura berbanding dengan kelompok etnik yang lain, misalnya Haji Abdullah Hukum yang berasal dari Kerinci, Sumatera.

Meskipun tiada data yang terperinci, kehadiran orang Madura di Malaysia, telah menunjukkan bahawa penyebaran orang Madura tidak hanya berlaku di dalam ruang lingkup Indonesia. Apa yang pasti, orang Madura telah tersebar tidak hanya ke negara-negara yang berhampiran dengan Indonesia seperti Malaysia dan Singapura, malah telah melangkah jauh hingga ke negara-negara Teluk, seperti di Arab Saudi.

ASPEK KEPIMPINAN DALAM KOMUNITI MIGRAN DI MALAYSIA: KES ORANG MADURA DI KAMPUNG TERAS JERNANG, BANGI

Kampung Teras Jernang merupakan sebuah perkampungan tradisional yang terletak di Bangi Lama, Kajang, Hulu Langat, Selangor. Kampung Teras Jernang berada di pinggir Bandar Baru Bangi, iaitu sebuah bandar baru yang dirancang pembangunannya sebagai sebuah bandar industri dan pusat akademik. Dilihat dari aspek penggunaan tanah, Kampung Teras Jernang merupakan perkampungan kecil yang terdiri daripada kebun-kebun kecil dan perumahan penduduk. Sebagai kampung yang berhampiran dengan kawasan bandar yang pesat membangun, penduduk tempatan mengambil kesempatan membina rumah untuk disewakan kepada sesiapa yang memerlukan tempat tinggal termasuk kepada buruh asing. Dalam konteks ini, Kampung Teras Jernang turut menjadi tumpuan sebahagian buruh asing yang bekerja di sekitar Bandar Baru Bangi.

Di beberapa sudut Kampung Teras Jernang, masih terdapat kawasan hijau yang terdiri daripada ladang kecil, kebun dan kawasan belukar. Di celah-celah kawasan kebun dan perumahan terdapat kawasan tanah yang belum diusahakan sepenuhnya. Di hujung kampung pula terdapat satu kawasan kebun sayur yang diusahakan oleh seorang pengusaha Cina. Tanah yang terletak bersebelahan dengan kawasan perkuburan Islam dan ladang kelapa sawit tersebut disewa daripada seorang pemilik Melayu, yang kebetulan tidak lagi menempati kawasan kebun tersebut.

Pengusaha Cina tersebut telah mengupah pekerja Indonesia untuk mengusahakan tanaman sayur di kebun tersebut. Sesuai dengan keinginan untuk saling membantu sesama warga yang datang dari daerah yang sama atau bahkan memang mempunyai pertalian darah, kawasan perkebunan sayur ini telah menjadi kawasan petempatan orang Madura. Pada satu-satu masa, petempatan ini boleh menampung seramai 12 hingga 15 orang. Sepanjang masa kajian dibuat, hanya terdapat 12 orang penghuni yang tinggal secara tetap. Terdapat beberapa orang lain yang telah berpindah ke tempat lain kerana mengikuti majikan sesuai dengan tempat di mana kerja atau projek pembinaan dijalankan. Pada hujung minggu, petempatan ini menjadi tumpuan kerana dikunjungi oleh rakan atau saudara yang datang dari Kajang, Puchong dan Petaling Jaya.

Anggota komuniti Madura ini berasal dari desa yang sama, iaitu, Desa Buntan Timur, Ketapang, Sampang, Pulau Madura. Sebahagian daripada mereka mempunyai pertalian persaudaraan, manakala sebahagian lagi merupakan kenalan atau jiran tetangga. Berita tentang kejayaan saudara atau jiran yang telah berjaya memperolehi pekerjaan di Malaysia yang menjadi faktor pendorong bagi mereka untuk turut berhijrah ke Malaysia. Majoriti informan dalam kajian ini berusia agak muda. Terdapat tujuh orang informan yang berumur antara 20-30 tahun, dan dua orang yang berumur antara 31-40 tahun. Manakala informan yang berusia atas 41 tahun adalah seramai tiga orang. Sepintas lalu, data ini memberi gambaran bahawa majoriti orang Madura yang berhijrah ke Malaysia ialah golongan muda

yang berumur antara 20 hingga 40 tahun. Hal ini dapat dimaklumi memandangkan golongan muda merupakan golongan yang masih bertenaga dan bersemangat untuk mencuba nasib di rantau orang bagi mengubah keadaan ekonomi keluarga.

Secara umum, taraf pendidikan penduduk di Pulau Madura agak jauh tertinggal berbanding wilayah lain di Pulau Jawa. Data yang diperolehi tentang tahap pendidikan informan menunjukkan persamaan dengan gambaran tersebut. Majoriti informan, iaitu, sembilan orang, hanya mengecapi pendidikan pada peringkat sekolah rendah (Sekolah Dasar – SD). Dua orang informan, selain mendapat pendidikan pada peringkat SD, mereka turut melanjutkan pendidikan di sekolah pondok atau pesantren. Hanya seorang informan yang berpeluang melangkahkan kaki ke peringkat Sekolah Menengah Pertengahan (SMP). Tahap pendidikan yang rendah tersebut tentunya bukan suatu faktor yang menghalang mereka daripada mendapatkan pekerjaan sebagai buruh di Malaysia.

Sesuai dengan gambaran umum tentang suasana ekonomi di Pulau Madura, majoriti informan mengakui bahawa mereka bekerja sebagai petani sewaktu di kampung. Mereka membuat kerja-kerja pertanian seperti menanam tembakau, padi dan beberapa jenis tanaman kontan. Terdapat seorang informan mencari rezeki dengan menjadi *tukang ojek* (motosikal sewa). Dua orang informan mencuba nasib dengan bekerja sebagai wiraswasta atau bekerja sendiri dengan berniaga secara kecil-kecilan. Hanya seorang informan yang tidak bekerja atau menganggur sewaktu berada di kampung.

Di dalam kehidupan seharian komuniti Madura tersebut, Pak Masdin yang merupakan informan utama, dianggap oleh anggota yang lain sebagai pemimpin mereka. Usia Pak Masdin sudah menjangkau 50 tahun. Seperti mana lazimnya orang di desanya, iaitu Desa Buntan Timur, Sampang, Pak Masdin hanya mengecapi pendidikan pada tingkat Sekolah Dasar. Manakala pendidikan agama diperolehi secara informal, iaitu berguru dengan guru agama di desanya. Sewaktu di kampung, untuk menyara keluarganya, Pak Masdin hanya bekerja sebagai petani dengan menanam tembakau dan tanaman kontan lainnya. Pendapatan yang tidak seberapa telah mendorong beliau mengambil keputusan untuk merantau ke Malaysia.

Pak Masdin mula meninggalkan keluarganya di Ketapang, Sampang, Pulau Madura untuk mencuba nasib di Malaysia untuk pertama kalinya pada tahun 1981. Setibanya di Malaysia, beliau telah menetap di Seksyen 7, Shah Alam, Selangor. Sesuai dengan suasana ketika itu, beliau datang dengan cara 'ikut bawah', yang bermaksud memasuki wilayah Malaysia tanpa sebarang dokumen yang sah. Beliau yang datang bersama rakan-rakan dari daerah Jawa Timur hanya menggunakan perkhidmatan tekong yang mengendalikan tongkang untuk memasuki perairan Malaysia. Menurutnya, pada tahun-tahun 1980an, adalah mudah bagi mereka memasuki Malaysia.

Pada awal tahun 1980-an, Pak Masdin telah mendapat peluang untuk bekerja sebagai buruh am di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)

dengan gaji sebanyak RM12.00 sehari. Berbekalkan gaji sekitar RM360.00 sebulan itu beliau mengumpulkan wang untuk dikirim ke kampung halaman, membiayai kehidupannya di Malaysia dan juga menyimpan wang untuk biaya pulang sewaktu-waktu diperlukan. Kini Pak Masdin bekerja sebagai pekebun sayur dengan bayaran gaji asas sebanyak RM700 sebulan. Di kebun sayur tersebut, Pak Masdin disertai oleh isterinya, dua orang anak perempuan dan seorang anak menantu lelaki.

Dari tahun 1981 sehingga kini, Pak Masdin telah berulang kali pulang dan datang semula ke Malaysia dan pada kali ini merupakan kedatangannya yang ke 5 ke Malaysia, iaitu pada tahun 2000 yang lalu. Pengalaman hidup selama lebih 20 tahun di Malaysia adalah faktor penentu yang menjadikan beliau mahir dalam selok belok kehidupan di Malaysia. Berita tentang kejayaannya telah mengundang minat di kalangan anggota keluarga dan jirannya untuk turut mengikuti jejaknya ke Malaysia. Pengalaman tentang selok belok kehidupan di Malaysia itu telah menjadi sumber atau *first order resources* yang boleh ditawarkan kepada anak buahnya.

Di kebun sayur tersebut, pada awalnya Pak Masdin hanya bekerja bersama dengan isteri dan seorang adik sepupunya. Apabila keluasan kebun sayur telah bertambah dan memerlukan pekerja tambahan, beberapa orang lagi yang terdiri daripada ahli keluarga dan jiran tetangganya telah dibawa masuk dari Pulau Madura untuk bekerja di kebun sayur tersebut. Pada masa yang sama, Pak Masdin akan membawa masuk ahli keluarga atau jirannya ke Malaysia seandainya terdapat permintaan daripada beberapa orang majikan yang beliau kenali. Beberapa orang majikan yang lazimnya meminta bantuan daripada Pak Masdin adalah terdiri daripada para kontraktor Melayu di sekitar Bandar Baru Bangi. Maklumat tentang peluang pekerjaan yang diperolehi oleh Pak Masdin telah menjadi *second order resources* yang dapat ditawarkan kepada anak buahnya.

Kedatangan ahli keluarga dan jiran sebagai pekerja di Malaysia tentunya memerlukan tempat tinggal. Sejak bekerja di kebun sayur tersebut, Pak Masdin diberi kebenaran untuk mendirikan pondok kecil sebagai tempat tinggalnya. Sesuai dengan keperluan akibat pertambahan penghuni, pondok yang dibina dengan menggunakan papan dan kayu terpakai telah ditambah beberapa kali sehingga dapat menampung sekitar 12 hingga 14 orang. Meskipun tempat tinggal yang disediakan oleh Pak Masdin tidak terlalu sempurna tetapi ia sudah dianggap memadai. Kebenaran yang diperolehi oleh Pak Masdin untuk memperbesar pondok telah menjadi *second order resources* yang dapat ditawarkan kepada anak buahnya. Sepintas lalu, kemampuan Pak Masdin menyediakan tempat tinggal, pengalaman selama lebih 20 tahun di Malaysia, dan mempunyai maklumat tentang peluang pekerjaan telah menjadi salah sumber yang dapat ditawarkan kepada ahli keluarga dan jirannya sehingga Pak Masdin dianggap sebagai penaung atau *patron*. Demikian juga dengan faktor usianya dan kedudukan dalam keluarga, Pak Masdin merupakan orang yang paling tua dalam komuniti tersebut.

Berdasarkan pengalaman seharian (*everyday-defined social reality*), Pak Masdin dianggap oleh anggota komunitasnya sebagai ketua atau penanggung jawab berdasarkan sumber-sumber yang ada pada diri beliau. Meskipun beliau bukan kiyai atau kepala desa sehingga dapat dianggap seorang ketua daripada sudut otoriti (*authority-defined*), tetapi segala nasihat dan petunjuknya tetap menjadi ikutan anak buahnya. Menyentuh tentang kiyai, bagi diri Pak Masdin susuk tubuh seorang kiyai tetap penting sebagai pemimpin dalam hidup diri dan anggota komunitasnya. Menurut beliau, meskipun seorang kiyai tidak dapat dibawa bersama ke Malaysia tetapi doa restu sang kiyai masih menjadi perkara yang penting. Menurut Pak Masdin: ... *“orang yang akan datang ke Malaysia, minta restu kiyai...kasi tahu, akan pergi ke Malaysia”*.

Dalam aspek menunaikan ibadah, Pak Masdin tidak mengambil peranan sebagai pengganti kiyai atau guru agama. Bersama dengan anak buahnya, Pak Masdin akan ke masjid yang berhampiran untuk menunaikan sembahyang Jumaat. Sekiranya mempunyai masa lapang, mereka akan bersama penduduk tempatan lain untuk menunaikan sembahyang secara berjemaah atau mengikuti program yang diadakan di masjid seperti ceramah agama. Dalam konteks ini, jelas bahawa Pak Masdin dan anak buahnya memperakui kedudukan imam atau guru agama tempatan sebagai pihak yang mempunyai kuasa sebagai pemimpin agama. Manakala di dalam lingkungan komuniti Madura tersebut, sepupu Pak Masdin yang bernama Pak Salam adalah orang yang sering menjadi imam sewaktu mereka menunaikan sembahyang secara berjemaah atau mengadakan majlis membaca surah Yasin. Pak Salam dianggap lebih sesuai kerana ia merupakan satu-satunya di antara mereka yang sudah menunaikan haji dan mempunyai latar belakang pendidikan agama yang agak lama di pesantren. Keadaan ini menunjukkan adanya keluwesan dalam aspek kepimpinan, di mana Pak Salam mengambil alih peranan sebagai ketua dalam aktiviti keagamaan.

Biarpun dianggap sebagai ketua dalam komunitasnya, Pak Masdin menganggap apa yang dilakukannya hanya sebagai sebahagian daripada prinsip hidup dalam masyarakat Madura yang menekankan aspek kesopanan, sikap saling menghormati dan saling membantu antara adik beradik dan saudara mara. Oleh yang demikian, beliau merasa bertanggungjawab untuk memberikan sebarang bantuan kepada ahli keluarga, jiran tetangga dan komunitasnya. Menurut beliau, memberi peluang kepada saudara dan jirannya untuk bekerja di Malaysia adalah penting untuk membolehkan mereka memperolehi wang bagi menampung keperluan keluarga dan biaya persekolahan anak di kampung.

Seperti di Pulau Madura, aspek gotong-royong masih dititik beratkan dalam komunitasnya. Menurut Pak Masdin, antara kerja yang dilakukan secara gotong-royong ialah membina pondok tambahan. Menurutnya lagi, gotong-royong dan saling membantu merupakan mekanisme yang sangat penting dan satu cara yang ampuh bagi membantu orang lain. Oleh yang demikian, sekiranya salah seorang anggota komuniti memerlukan bantuan kewangan, misalnya untuk mengirim wang ke kampung bagi membiayai perubatan anak, mereka akan saling

membantu sama ada dengan cara memberikan sumbangan sukarela atau memberikan pinjaman wang.

Sate Madura dan Soto Madura merupakan makanan khas Madura yang terlihat tidak dapat dipisahkan dari kehidupan mereka. Oleh kerana bahan-bahan untuk membuat soto dan satay mudah didapati di Malaysia, maka adakalanya mereka bergotong-royong untuk menyediakan Sate Madura. Kegiatan ini dilakukan terutama ketika menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Haji. Apa yang jelas, kecenderungan orang Madura untuk berkumpul secara langsung tentunya telah membuka hubungan kerjasama sesama orang Madura bagi mengatasi sebarang masalah ketika di Malaysia.¹ Namun demikian, menurut Pak Masdin, apa yang berlaku di Malaysia tidak selalunya begitu. Menurutnya... *“Di sini lebih cenderung mencari keuntungan sendiri-sendiri, kalau di Madura ia lebih kekeluargaan dan gotong royong”*.

Bercakap tentang hubungan sosial sewaktu di Malaysia, Pak Masdin mengakui bahawa terdapat hubungan yang baik di kalangan sesama orang Madura dan sesama orang Indonesia yang lain, terutama dengan orang Jawa. Hubungan yang baik dengan orang Jawa disebabkan faktor adat istiadat dan latar belakang agama yang sama, di samping itu pula kebanyakan orang Madura dapat memahami dan bertutur dalam bahasa Jawa. Hubungan yang baik juga dapat dijalin dengan pihak majikan. Menurut Pak Masdin, hubungan yang baik atau tidak tersebut sangat ditentukan oleh faktor urusan kerja, iaitu, kerja yang diselesaikan dengan baik dan pembayaran gaji pula dibayar tanpa sebarang masalah.

Tentang hubungan dengan orang tempatan (orang Melayu atau bukan Melayu) sama ada di tempat tinggal atau tempat kerja dan lain-lain, Pak Masdin mengakui bahawa sehingga kini tidak pernah timbul masalah. Beliau mengatakan bahawa adalah lebih selesa untuk tinggal di kawasan orang Melayu kerana lebih mudah berinteraksi (faktor bahasa) dan beribadah (faktor kemudahan surau atau masjid). Dalam konteks kepimpinan masyarakat tempatan, mereka tahun tentang kedudukan Ketua Kampung berserta ahli jawatankuasa kampung. Namun begitu, oleh kerana kedudukan kediaman mereka yang jauh tersorok di hujung kampung, maka mereka tidak pernah terlibat dalam sebarang aktiviti yang dilaksanakan oleh jawatan kuasa kampung Terang Jernang.

Menyinkap soalan hubungan dengan agensi atau pihak berkuasa Malaysia seperti pihak Polis dan Imigresen misalnya, Pak Masdin menganggap tidak ada masalah besar yang dihadapi sejauh mematuhi segala peraturan di Malaysia. Namun begitu, dalam konteks ini peranan sebenar Pak Masdin sebagai penaung atau ketua komunitinya sangat diperlukan. Hal ini kerana selain telah memiliki status sebagai penduduk tetap, pengalaman Pak Masdin adalah penting bagi menyelesaikan masalah yang timbul dengan pihak Polis atau Imigresen apabila terdapat urusan atau kes yang membabitkan anggota komunitinya. Selain mempunyai kenalan di kalangan anggota Polis, Pak Masdin turut mempunyai kenalan yang terdiri daripada orang tengah yang dapat menyelesaikan segala urusan yang melibatkan pihak Imigresen.

Sesuai dengan peraturan yang berlaku, kesemua anggota komuniti Pak Masdin memasuki Malaysia secara sah, iaitu, dengan mempunyai pasport atau dokumen perjalanan antarabangsa yang diiktiraf, dan memenuhi beberapa syarat tertentu sebelum dibenarkan masuk ke Malaysia.² Namun demikian, terdapat di antara mereka yang masuk secara sah tetapi kemudiannya melanggar peraturan imigresen.³ Kesalahan lain yang sering dilakukan adalah tinggal atau masih berada di Malaysia selepas tempoh pas lawatan tamat atau dibatalkan. Hal ini berlaku apabila mereka masuk dengan hanya menggunakan visa kunjungan sosial tetapi kemudiannya tinggal melebihi tempoh pas lawatan dan bekerja tanpa visa yang sah. Oleh yang demikian, kemungkinan mereka untuk ditahan oleh pihak Polis atau Imigresen adalah cukup tinggi.

Sehingga kini, beberapa siri operasi bersepadu telah dilakukan oleh pihak Polis dan Imigresen Malaysia bagi mengatasi masalah pendatang tanpa izin. Selain masalah setinggian dan kemasukan secara 'haram'⁴, kedatangan pekerja asing ke Malaysia juga dikaitkan dengan peningkatan jenayah di Malaysia. Pada tahun 2004, terdapat 3500 kes jenayah yang membabitkan pendatang asing dan daripada jumlah tersebut terdapat sebanyak 2196 kes (62.7%) yang membabitkan pendatang asing Indonesia (Jabatan Polis). Daripada 2196 kes jenayah tersebut, 1101 kes adalah jenayah kekerasan seperti bunuh, cubaan membunuh, samun bersenjata, dan rogol. Manakala selebihnya, iaitu, 1095 adalah jenayah harta benda seperti pecah rumah, mencuri, dan ragut.⁵

Dalam kehidupan seharian di kalangan pekerja asing, terutama mereka yang bekerja di sektor pembinaan, kunjungan pihak berkuasa sama ada pihak Imigresen atau Polis adalah sesuatu yang lazim. Dalam operasi yang dijalankan secara besar-besaran seperti Operasi Nyah I dan Operasi Nyah II, pendatang tanpa izin yang berjaya ditangkap akan dijatuhkan hukuman dan kemudian dihantar pulang ke negara asal. Anggota Polis juga melakukan rondaan di kawasan-kawasan pembinaan untuk mencegah kedatangan pendatang tanpa izin. Mereka sering membuat rondaan di kawasan pembinaan atau di kawasan di mana lazimnya terdapat pekerja asing yang ramai seperti di pasar-pasar borong. Dalam kes sebegini, anggota Polis yang membuat rondaan biasanya datang dengan pakaian seragam yang rasmi. Sekiranya rondaan yang dijalankan merupakan suatu operasi yang dilakukan secara rasmi oleh Balai Polis maka jumlah anggota yang terlibat adalah ramai. Sekiranya rondaan yang dilakukan adalah rondaan biasa, lazimnya anggota Polis yang terlibat adalah berdua sahaja. Apabila terdapat pekerja yang tidak mempunyai permit atau dokumen perjalanan yang sudah tamat tempoh, mereka akan dibawa ke Balai Polis untuk tindakan lanjut.

Sudah menjadi rahsia umum bahawa terdapat usaha di kalangan para imigran dan pihak yang menampung mereka, iaitu pihak tekong atau pihak majikan yang cuba untuk mengatasi masalah penguatkuasaan dengan memberi rasuah. Usaha memberi rasuah ini biasa dapat dilakukan apabila terdapat segelintir anggota Polis yang 'nakal'. Menurut beberapa informan, adalah menjadi satu kelaziman di kalangan pekerja yang tidak mempunyai permit yang tinggal di rumah-rumah

kongsi membuat bayaran agar mereka tidak dikenakan tindakan lanjut oleh pihak Polis. Bayaran tersebut dikumpul oleh seorang yang dianggap sebagai ketua. Ketua ini biasanya adalah mandor atau penyelia bagi pekerja-pekerja tersebut. Mandor akan bertanggungjawab menguruskan pengambilan pekerja dan seterusnya menguruskan segala urusan berkaitan dengan pekerja termasuk memberi sogokan kepada pihak Polis. Mandor ini biasanya terdiri daripada orang Indonesia yang telah lama menetap di Malaysia dan sudah mempunyai taraf sebagai penduduk tetap.⁶

Bayaran yang dikumpulkan akan diberikan kepada pihak tertentu di Balai Polis. Menurut informan, bayaran lazimnya diberikan kepada Ketua Balai dalam bentuk berkala, misalnya sebulan sekali. Namun demikian, menurut informan ada juga bayaran diberikan kepada anggota Polis yang membuat rondaan. Namun, menurut informan juga, tidak semua anggota Polis yang menerima atau meminta 'habuan'. Bagi mengetahui sama ada pihak terbabit mahu menerima sogokan atau tidak, ditentukan oleh 'isyarat bahasa' yang digunakan. Pihak Polis yang tegas dan tidak menerima sogokan biasanya tidak banyak bicara dan terus mengambil tindakan membawa pesalah ke Balai. Bagi yang 'nakal' pula, mereka lazimnya memberi penekanan secara berulang kali tentang kesalahan dan tindakan yang akan diambil. 'Ancaman' tentang kesalahan dan tindakan yang diambil tersebut pula akan disambut oleh pihak pekerja asing dengan rayuan. Rayuan seperti '*tolonglah Pak*', atau '*setel (settle) lah Pak*' akan dilanjutkan pula dengan rundingan bayaran yang perlu dibuat. Lazimnya untuk 'setel' bayaran yang dibuat adalah antara RM30.00 hingga RM50.00.

Bagi mengatasi masalah penguatkuasaan, ramai di antara para imigran yang cuba untuk menampilkan identiti mereka sebagai orang Melayu. Menurut informan, hal ini sangat sesuai dilakukan oleh imigran yang mempunyai rupa paras dan penampilan yang mirip dengan orang Melayu. Dalam usaha menampilkan diri sebagai orang Melayu, hal yang penting sekali adalah kemampuan untuk berbahasa Melayu. Bagi mereka kemampuan untuk berbahasa Melayu cukup penting sebagai tolok ukur bagi menentukan apakah seseorang itu Melayu atau tidak.

Dalam hal ini, pengalaman bergaul dan berkomunikasi dengan orang Melayu digunakan untuk menguasai bahasa Melayu sebaik yang mungkin, termasuklah dengan menggunakan dialek Melayu tertentu seperti dialek utara, dialek timur atau barat. Menurut seorang informan, cara ini sangat berkesan terutama apabila berhadapan dengan pihak Polis yang mengadakan rondaan harian. Hal ini kerana dalam rondaan tersebut biasanya pihak Polis hanya bertanya apakah mereka orang Malaysia atau bukan. Sekiranya, imigran terbabit menggunakan bahasa Melayu dengan baik maka ia mungkin dapat menyelamatkan dirinya. Oleh kerana itu, dapat dilihat bahawa bahasa memainkan peranan dalam penampilan identiti orang Madura di Malaysia. Penguasaan bahasa Melayu sangat penting untuk menampilkan diri sebagai 'orang Melayu' sesuai dengan keperluan yang ada.

Di dalam kehidupan sehariannya di Kampung Teras Jernang, Pak Masdin mengakui bahawa mereka harus mematuhi dan tunduk kepada pihak berkuasa. Sehubungan itu, kediaman mereka tidak terlepas daripada kunjungan pihak Polis. Menurutnyanya ... "*Kadang-kadang saja...ada (anggota) Polis datang masuk minta sayur tapi tak kacau lah*". Apa yang dinyatakan beliau menunjukkan bahawa adakalanya orang Madura sebagai pekerja asing tidak terlepas daripada menjadi mangsa kepada 'kenakalan' anggota Polis. Menurut informan lain, dalam hal yang berkaitan dengan penangkapan oleh pihak Polis, Pak Masdin akan menguruskannya, iaitu dengan bertemu pihak-pihak tertentu. Dalam hal ini, ketokohan Pak Masdin sebagai penaung sangat dituntut atau diharapkan oleh anak buahnya.

Sebagai penaung, Pak Masdin turut berperanan untuk menjemput setiap saudara atau jirannya yang baru pertama kali menjejakkan kaki di Malaysia. Beliau akan ke Jeti Stulang Laut di Johor Bharu atau ke Melaka untuk menjemput mereka dan kemudian membawa mereka ke Bangi. Di Bangi, Pak Masdin akan memberikan perlindungan dengan menempatkan mereka di rumahnya dan akan menghubungi orang yang memerlukan tenaga kerja. Oleh kerana peluang kerja di kebun sayur adalah terbatas, Pak Masdin akan menyalurkan mereka kepada kontraktor yang memerlukan buruh binaan. Setiap anak buah atau ahli komunitinya tidak terikat untuk terus menetap dengannya di Kampung Teras Jernang. Apabila sesuatu projek pembinaan berada jauh dari Kampung Teras Jernang, maka anak buah terbabit akan menetap di rumah sewa atau rumah kongsi yang disediakan oleh pihak majikan.

Anak buah Pak Masdin turut mengharapakan bantuannya untuk menyelesaikan segala urusan untuk pulang ke Pulau Madura. Bagi mereka yang masih mempunyai visa yang sah, urusan untuk pulang tidak begitu rumit. Apa yang diperlukan hanya wang untuk membeli tiket penerbangan dari Kuala Lumpur ke Jakarta atau Surabaya. Bagi mereka yang sudah berstatus pendatang tanpa izin kerana visa kunjungan sosial sudah tamat tempoh, terdapat dua cara untuk pulang. Pertama, secara tidak sah, iaitu menyeludup keluar dengan menggunakan perkhidmatan yang disebut sebagai bot atau kapal sayur melalui perairan Johor ke Pulau Batam. Bagi perkhidmatan yang penuh risiko tersebut, mereka harus membayar sebanyak RM500.00 kepada tekong kapal berkenaan. Kedua, pulang secara sah, iaitu dengan mendapatkan SPLP (Surat Perjalanan Laksana Paspor) daripada Kedutaan Indonesia dengan bayaran sebanyak RM60.00. Di samping itu, mereka harus membayar denda kepada pihak Imigresen sebanyak RM1,500.00. Secara keseluruhan, jumlah bayaran yang harus dibayar kepada tekong yang menguruskan segala urusan di Kedutaan Indonesia dan Imigresen Malaysia adalah sebanyak RM1,800.00. Lazimnya, setelah urusan selesai mereka akan pulang dengan menggunakan penerbangan MAS atau Airasia ke Surabaya. Segala urusan untuk pulang sama ada secara sah atau tidak akan dilakukan oleh Pak Masdin. Beliau yang akan menghubungi dan berurusan dengan tekong yang berkenaan.

Apa yang jelas, dalam konteks pengalaman seharian (*everyday-defined social reality*) di dalam komunitinya, pengalaman dan pengetahuan luas dalam pelbagai aspek kehidupan di Malaysia menjadi faktor utama mengapa Pak Masdin dianggap sebagai ketua atau penaung yang melindungi anak buahnya. Pada masa yang sama, mereka juga sedar tentang kedudukan mereka dalam konteks kehidupan yang lebih luas di Malaysia, di mana mereka turut mengakui kedudukan pemimpin tempatan seperti imam dan guru agama, dan pihak berkuasa seperti Polis.

KESIMPULAN

Berdasarkan pengalaman seharian komuniti Madura di Kampung Teras Jernang seperti yang telah dibincangkan di atas, beberapa kesimpulan dapat dibuat. Pertama, ketua di kalangan komuniti Madura di Kampung Teras Jernang bukan ditentukan berdasarkan *authority-defined*. Pemimpin di dalam komuniti Madura di Malaysia tidak semestinya tokoh yang dihormati seperti di Pulau Madura, yang terdiri daripada guru agama atau kiyai. Hal ini kerana kiyai tidak menyertai mereka dalam proses penghijrahan. Pada masa yang sama, sebagai suatu komuniti yang berpeluang untuk tinggal bersama dan agak jauh serta tersorok di hujung kampung, mereka agak terlepas daripada ikut serta dalam struktur kepimpinan lokal.

Kedua, berdasarkan pengalaman seharian (*everyday-defined social reality*), patron-klien merupakan pola hubungan yang paling sesuai untuk mereka menyelesaikan masalah kehidupan di perantauan. Hal ini tidak jauh berbeza dengan kajian-kajian sebelum ini tentang kelompok yang bermigrasi sama ada mereka yang bermigrasi dari desa-kota, atau dari sebuah negara ke sebuah negara yang lain. Ketiga, individu yang dipilih menjadi ketua atau patron ditentukan berdasarkan senioriti, iaitu siapa yang paling awal datang ke Malaysia. Faktor senioriti memainkan peranan kerana akan menentukan sejauhmana seseorang itu tahu dan mahir tentang hal ehwal dan segala urusan di Malaysia. Pengalaman tersebut merupakan *first order resources* yang ditawarkan oleh Pak Masdin sehingga beliau dianggap sebagai orang yang dapat memberikan perlindungan. Manakala *second order resources* yang dimiliki oleh Pak Masdin ialah tempat tinggal yang diperolehi dari majikannya dan peluang pekerjaan yang diperolehi melalui hubungan baiknya dengan majikannya dan beberapa orang kontraktor. Dalam hal ini Pak Masdin hanya bertindak sebagai broker atau orang tengah sahaja.

Keempat, individu yang menjadi patron juga ditentukan berdasarkan pertalian keluarga serta sentimen kejiranan. Sebahagian daripada anggota komuniti Madura di Kampung Teras Jernang mempunyai pertalian darah dan sebahagian lagi merupakan jiran tetangga di desanya. Dalam hal ini, Pak Masdin adalah individu daripada keluarganya yang paling awal berhijrah ke Malaysia. Keadaan ini

menunjukkan bahawa hubungan pertalian darah adalah penting dalam kehidupan orang Madura. Apabila mereka merantau, konsep lindung-melindungi atau patron-klien sangat memainkan peranan bagi memastikan mereka berjaya.

Akhir sekali, pola patron-klien yang wujud lebih terbuka, di mana klien tidak terikat atau bergantung sepenuhnya kepada patron. Dalam kes ini, Pak Masdin tidak menguasai semua sumber sehingga menyebabkan pola hubungan tidak bersifat manipulatif dan klien tidak terlalu bergantung sepenuhnya kepada beliau. Klien atau anak buahnya dapat keluar dan masuk dalam komunitinya sesuai dengan jenis, bentuk dan tempat di mana mereka memperolehi pekerjaan.

NOTA

- 1 Kajian tentang pekerja asing di Lembah Klang pada 1995 menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan di kalangan imigran untuk tinggal sesama kelompok etnik terutama di kalangan imigran yang tinggal di kawasan setinggan. Kecenderungan tersebut paling menonjol di kalangan orang Bawean, Madura dan Jawa, demikian juga dengan etnik yang lain iaitu Minangkabau, Mendailing, Sumbawa, Kampar, Flores, Sunda, Karo dan Batak (Hairi Abdullah 1997). Namun kini, sesuai dengan usaha kerajaan Malaysia menghapuskan kawasan setinggan dan juga operasi membasmi kemasukan imigran gelap, kawasan-kawasan setinggan yang dahulunya didominasi oleh imigran Indonesia sudah semakin sukar ditemui. Kini, mereka duduk secara tersebar dengan menyewa rumah.
- 2 Mengikut Seksyen 6 (3) Akta Imigresen 1959/1963 seseorang warganegara asing yang berada di Malaysia boleh ditafsirkan masuk secara haram sekiranya: (a) individu terbabit gagal menunjukkan pasport atau dokumen perjalanan yang sah apabila diminta; (b) di dalam pasport atau dokumen perjalanan tiada cop kemasukan atau pas lawatan yang sah. Kesalahan kerana masuk secara haram membawa hukuman: denda tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara tidak melebihi 5 tahun; atau kedua-duanya; atau kompaun sehingga RM3,000.00.
- 3 Kesalahan lain yang sering dilakukan adalah tinggal atau masih berada di Malaysia selepas tempoh pas lawatan tamat atau dibatalkan. Hal ini berlaku apabila mereka masuk dengan hanya menggunakan visa kunjungan sosial tetapi kemudiannya tinggal melebihi tempoh pas lawatan dan bekerja tanpa visa yang sah. Mengikut Seksyen 15 (4) Akta Imigresen 1959/1963, kesalahan kerana tinggal lebih masa membawa hukuman denda tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara tidak melebihi 5 tahun; atau kedua-duanya sekali. Selain itu, ramai juga yang melakukan kesalahan memiliki pasport atau dokumen perjalanan yang mengandungi visa atau pas lawatan yang palsu atau dipinda. Mengikut Seksyen 15 (4) Akta Imigresen 1959/1963, kesalahan tersebut boleh membawa hukuman denda tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara tidak melebihi 5 tahun; atau kedua-duanya sekali. Kesalahan seperti ini biasanya berlaku apabila individu terbabit membuat urusan imigresen dengan menggunakan perkhidmatan orang tengah.
- 4 Pada awal tahun 1980, jumlah pendatang haram Indonesia hanya dianggarkan seramai 12,769 orang. Namun jumlah tersebut terus bertambah dari tahun ke tahun dan pada tahun 2000 jumlah pendatang haram Indonesia dianggarkan seramai 153,000 orang (Shirin Hamzah 2003).

- ⁵ Dari 3500 kes jenayah yang membabitkan pendatang asing pada tahun 2004, 2196 melibatkan pendatang Indonesia, 721 pendatang Filipina, 124 pendatang Bangladesh, 10 pendatang Singapura, 70 pendatang Thailand, 82 pendatang Myanmar, dan 297 lain-lain (Sumber: Jabatan Polis).
- ⁶ Maklumat yang diperoleh menyatakan bahawa sehingga tahun 1980-an, taraf penduduk tetap masih mudah diperolehi. Kini hanya calon tertentu sahaja yang boleh memohon. Isteri kepada warganegara Malaysia yang tinggal lama di negeri ini dengan Pas Lawatan Sosial atau Pas Kerja Sementara atau Pas Pekerja dengan lanjutan tahun ke setahun berterusan selama lima tahun atau lebih; atau anak kepada warganegara Malaysia berumur bawah 6 tahun; atau suami/isteri atau anak kepada warganegara Malaysia yang mempunyai kepakaran dan pengalaman kerja di luar negara, merancang untuk kembali dan bekerja di Malaysia (di bawah program untuk menggalakkan warganegara Malaysia dengan kepakaran yang tinggal di luar negara untuk kembali ke Malaysia). Kelulusan permohonan akan diberikan 6 bulan selepas tarikh permohonan kepada Jabatan Imigresen Malaysia. Bayaran untuk permohonan permit masuk adalah RM120.00 sahaja.

RUJUKAN

- A. Latief Wiyata. 2001. Memahami Perilaku Budaya Orang Madura Pelajaran Kasus Sampit. *Kompas*. 6 April.
- _____. 2002. *Carok: Konflik Kekerasan dan Harga Diri Orang Madura*. Yogyakarta: LKIS.
- Amri Marzali. 1976. Kampung Palimbayan. *Jurnal Berita Antropologi* VIII (26).
- _____. 1978. Kampung Melayu di Tepi Kota Kuala Lumpur. *Jurnal Berita Antropologi* Tahun X, No. 34.
- Andang Subaharianto. et al. 2004. *Tantangan Industrialisasi Madura: Membentur Kultur, Menjunjung Leluhur*. Malang: Bayumedia.
- Arif Nasution, M. (ed). 1997. *Mereka yang ke Seberang*. Medan: USU Press.
- Benda, H.J. 1958. *The Crescent and the Rising Sun: Indonesian Islam Under the Japanese Occupation 1942-1945*. The Hague/Bandung: Van Hoeve.
- Boissevain, J. 1966. *Friends of Friends: Networks Manipulator and Coalition*. Oxford: Blackwell.
- Castles, L. 1967. The Ethnic Profile of Jakarta. *Indonesia* 3:1 53-204.
- Chan, K.B. & Tong C.K. 1993. Rethinking Assimilation and Ethnicity: the Chinese in Thailand. *International Migration Review* 27: 140-68.
- Fishman, J.A. 1977. Language and Ethnicity. Dalam *Language, Ethnicity and Inter-Group Relations*, H. Giles (ed.). London: Academic Press.
- Hairi Abdullah. 1997. Jaringan Sosial di Kalangan Pekerja Indonesia di Lembah Kelang. Dalam *Mereka yang ke Seberang*. M. Arif Nasution (ed.). Medan: USU Press.
- Hall, S. 1989. Cultural Identity and Cinematic Representation. *Framework*. 36: 68-81.
- Horowitz, D. 1975. Ethnic identity. Dalam *Ethnicity: Theory and Experience*. Glazer, N. & Moynihan, D.P. (eds.). Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Jackson, P. & Penrose, J. (eds.). 1993. *Constructions of Race, Place and Nation*. London: UCL Press; Minneapolis: University of Minnesota Press.

- Jonge, Huub de. 1989. *Madura dalam Empat Zaman: Pedagang, Perkembangan Ekonomi dan Islam*. Jakarta: KITLV, LIPI, Gramedia.
- Khazin Mohd. Tamrin. 1984. *Orang Jawa di Selangor: Penghijrahan dan Penempatan 1880-1940*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kompas*. 2000. 17 November.
- _____. 2001. 6 April.
- Kuntowijoyo. 2002. *Perubahan Sosial dalam Masyarakat Agraris: Madura 1850-1940*. Jogjakarta: Mata Bangsa.
- Lee Yok Fee. 2004. Kedinamikan Kecinaan dan Identiti Orang Cina di Malaysia. *Sari*. 22 (Julai).
- Mohamed Salleh Lamry. 1997. Migrasi Pekerja Indonesia ke Malaysia: Sebuah Pengantar. Dalam *Mereka yang ke Seberang*. M. Arif Nasution (ed.). Medan: USU Press.
- Mokhtar Naim. 1971. *Merantau: Causes and Effect of Minangkabau Voluntary Migration*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Nonini, D.M. & Ong, A. 1997. Chinese Transnationalism as an Alternative Modernity. Dalam *Ungrounded Empires: The Cultural Politics of Modern Chinese Transnationalism*. Ong, A. & D.M. Nonini (eds). New York: Routledge.
- Pitt-Rivers, J.A. 1954. *The People of Sierra*. London: Weidenfeld & Nicolson.
- Purcell, V. 1967. *The Chinese in Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ramzay, A.B. 1956. Indonesian in Malaya. *JMBRAS* 29(Pt 1) May.
- Rouse, R. 1995. Questions of Identity: Personhood and Collectivity in Transnational Migration to the United States. *Critique of Anthropology* 15(4): 351-380.
- Scott, J.C. 1972. The Erosion of Patron-Client Bonds and Social Change in Rural Southeast Asia. *Journal of Asian Studies*. Vol XXXII, No. 1.
- Shamsul A.B. 1996. Debating about Identity in Malaysia: A Discourse Analysis. *Southeast Asian Studies* 34(3) December.
- Shirin Binti Hamzah. 2003. Akhbar Berita Harian dan Isu Pendatang Haram Indonesia (1980-2001). Latihan Ilmiah. Program Sejarah, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM, Bangi. Tidak diterbitkan.
- Shotter, J. 1993. *Cultural Politics of Everyday Life*. Buckingham: Open University Press.
- Silverman, S. 1965. Patronage and Community-Nation Relationships in Central Italy. *Ethnology*. Vol. 4.
- Van den Berghe, P.L. 1978. Race and Ethnicity: A Sociological Perspective. *Ethnic and Racial Studies* 1(4): 401-411.
- Tan Chee Beng. 1992. *Bibliography on Ethnicity and Race Relations in Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Pengajian Tinggi, UM.
- Tan Liok Ee. 1997. *The Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tunku Shamsul Bahrin. 1967. The Pattern of Indonesian Migration and Settlement in Malaya. *Asian Studies* V(2).
- Weingrod, A. 1968. Patron, Patronage and Political Parties. *Comparative Studies in Society and History*. Vol. 10.
- Yancey, W.L., Ericksen, E.P. & Juliani, R.N. 1976. Emergent Ethnicity: A Review and

Reformation. *American Sociological Review* 41: 391-403.

Yasmine Zaki Shahab. 2004. *Identitas dan Otoritas: Rekonstruksi Tradisi Betawi*. Depok: Laboratorium Antropologi FISIP UI.

Zakaria & Subhilhar. 1997. *Orang Kampar di Malaysia. Dalam Mereka yang ke Seberang: Proses Migrasi Tenaga Kerja Indonesia ke Malaysia*. M. Arif Nasution (ed.). Medan: USU Press.

Mohamad Fauzi Sukimi

Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM, Bangi, Selangor

MALAYSIA

fauzi1222@yahoo.com

